

# Tempoh pemilihan diputus hari ini

Oleh Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Rabu – Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno esok dijangka membuat keputusan muk-tamad sama ada menarik balik atau mengekalkan cadangan asal tempoh pemilihan peringkat bahagian dan MT dibuat mengikut penggal Dewan Rakyat, sebelum dibentang di Perhimpunan Khas, Sabtu ini.

Mesyuarat itu yang akan dipengerusikan oleh Timbalan Presidennya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, juga dikatakan akan membincang sama ada untuk memasukkan cadangan bagi memansuhkan sistem kuota pencalonan dalam pindaan Perlembagaan Umno.

**BH 16 NOV 2000**  
**Mesyuarat MT juga dijangka turut membincang sama ada untuk memasukkan cadangan bagi memansuhkan sistem kuota pencalonan dalam pindaan Perlembagaan Umno**

bil kira segalanya. Esok saya akan kemukakan kepada MT.

“Tunggulah esok, biarlah MT bincang dulu,” katanya.

Abdullah juga berkata sekiranya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba awal dari Bandar Seri Begawan, Brunei, maka Presiden Umno itu akan mem-

pun berjanji kepada mereka untuk mengemukakan pandangan itu kepada MT.

“Sebenarnya, mereka bukan membantah tetapi memberi pandangan. Dalam Umno, orang bebas beri pandangan. Sebab itulah di Perhimpunan Agung Umno, ada yang membuat pelbagai kecaman,” katanya.

Kedua-dua isu itu dijangka menjadi tumpuan dalam mesyuarat MT bermula jam 3 petang esok selepas dibantah beberapa bahagian dalam pertemuan dengan Abdullah, Ahad lalu.

MT dalam mesyuarat lalu, mencadangkan supaya tempoh jawatan peringkat bahagian dan MT dilanjutkan daripada tiga tahun sekarang kepada empat atau lima tahun mengikut penggal Dewan Rakyat.

Pemimpin bahagian juga dikatakan mahu supaya sistem kuota pencalonan dimansuhkan. Bagaimanapun, perkara itu tidak disenaraikan dalam cadangan pindaan Perlembagaan Umno.

Bercakap dalam sidang akhbar selepas mengengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno di sini hari ini, Abdullah enggan memberitahu secara khusus sama ada cadangan pindaan itu akan dibuat dalam MT esok.

“Kita bincang semuanya hari ini dan kita halusi apa juga pandangan yang diberikan dan kami mengam-

pengerusikan mesyuarat MT itu.

Bagaimanapun, seorang pembantu Perdana Menteri yang dihubungi di Brunei malam ini memberitahu, Dr Mahathir akan hanya tiba di sini kira-kira jam 9 malam esok selepas menghadiri sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec).

Abdullah mengakui akan berlaku pindaan kepada cadangan asal sebelum ini meskipun tidak menyebutnya secara khusus.

Katanya, mesyuarat MT esok juga akan dimaklumkan mengenai usul perubahan dikemukakan oleh Ketua Umno Bahagian Senai, Adam Abdul Hamid mengenai bantahannya berhubung tempoh pemilihan MT pada perhimpunan khas Umno Sabtu ini.

Ditanya sama ada MT mengambil kira hasrat akar umbi ketika membuat cadangan tempoh pemilihan MT dan peringkat bahagian lima tahun sekali itu, Abdullah berkata:

“Sebab itu kita adakan pertemuan dengan ketua-ketua bahagian (Ahad lalu). Masa itu, (isu) ini berbangkit. Ini bermakna, kita ambil kira dan saya

Bagaimanapun, beliau berkata, jawatankuasa pengurusan bukan tempat untuk membuat keputusan tetapi mengkaji pandangan mereka dan menyediakan laporan untuk MT.

Ditanya sama ada MT bersedia menarik balik cadangan asal untuk meminda perlembagaan bagi membolehkan pemilihan lima tahun sekali itu, beliau berkata pihaknya tidak mahu membuat andaian dan terserah kepada MT untuk memutuskannya.

Beliau berkata, mesyuarat hari ini juga membincang persiapan menghadapi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Lunas bagi menggerakkan jentera Umno untuk menjamin kemenangan calon Barisan Nasional.

Sementara itu, Abdullah berkata kerajaan setakat ini belum membuat keputusan sama ada untuk meminta Lembaga Tabung Haji membeli saham majoriti milik Pengerusi Eksekutif MAS, Tan Sri Tajudin Ramli dalam syarikat penerbangan itu.

“Kita tak bincang apa pun mengenainya. Itu cerita dalam akhbar sahaja setakat ini,” katanya.